SK DATUK HAJI BAGINDA
MERLIMAU MELAKA.

BACAAN TAMBAHAN ANAK-ANAK

SILA CATATKAN DALAM FAIL NILAM

Cerita 1

SINGA DAN NYAMUK

Seekor singa ***merungut*** dan menderam kepada seekor nyamuk yang asyik terbang berlegar di kepalanya ketika dia cuba melelapkan mata. "Pergi kamu dari sini sebelum aku memijakmu dengan kakiku," ngaumnya.

"Aku tidak takut padamu," kata nyamuk memperolok-olokkannya. "Kamu mungkin digelar ***Raja*** Rimba, tapi aku lebih kuat daripada kamu. Aku juga boleh membuktikannya. Mari berlawan dan lihat siapa menang." Singa pun bersetuju.

Nyamuk dengan pantas menjunam ke arah singa dan menggigitnya bertalu-talu di hidung dan telinganya. Ketika cuba memijak nyamuk itu, singa tercakar diri sendiri dengan kukunya yang tajam, sehingga berdarah. "Cukup," dia akhirnya menjerit. "Cukuplah! Kamu menang!"

Tanpa sebarang kecederaan, nyamuk terbang pergi. Dia bercakap besar tentang kejayaannya mengalahkan singa kepada sesiapa yang ingin mendengar. Dia terlalu leka bercakap besar, sehinggakan terperangkap pada sarang labah-labah yang terbentang antara pokok-pokok.

Ketika labah-labah kecil bergegas ke arahnya, nyamuk meronta di sarang yang memerangkapnya dengan kuat. "Aku berlawan dan berjaya mengalahkan haiwan paling gagah," keluhnya, "hanya untuk menjadi habuan haiwan yang lebih kecil daripada aku!"

PENGAJARAN:

Jangan menilai kekuatan musuh berdasarkan saiznya.

Cerita 2

ANGSA YANG BERTELUR EMAS

Seorang petani dan isterinya hidup *gembira* di sebuah ladang kecil, menternak sekawan angsa dan menjual telurnya di pasar. Mereka tidak kaya, tetapi gembira dengan hidup mereka.

Suatu hari, seekor angsa terbang masuk menyertai kawanan angsa-angsa mereka. Keesokan harinya, pasangan itu terperanjat apabila mendapati sebiji telur emas berkilauan di sarang kawanan angsa mereka. Tiap-tiap hari selepas itu, angsa itu akan mengeluarkan telur emas!

Tidak lama selepas itu, pasangan itu menjadi semakin kaya seperti yang tidak pernah mereka impikan sebelum ini. Tetapi, mereka tidak gembira. Mereka tidak puas dengan hanya sebiji telur emas sehari. Petani itu berkata kepada isterinya, "Angsa itu tentu penuh dengan emas. Kenapa perlu kita tunggu untuk mendapatkan lebih banyak emas?"

"Jika kita membelah badannya," setuju isterinya, "kita boleh mendapatkan semua telur sekali gus." Oleh itu, mereka pun membunuh angsa itu! Mereka terperanjat apabila mendapati badannya sama sahaja seperti angsa-angsa lain. Lebih teruk, mereka tidak akan memperolehi telur emas lagi!

PENGAJARAN:

Orang yang tamak mahukan semuanya, tetapi biasanya, kerugian pula yang menimpa mereka.

Cerita 3

ANJING DENGAN AYAM JANTAN

Pada suatu hari, anjing dan ayam jantan pergi berjalan-jalan di dalam ***hutan***. Mereka berjalan-jalan hingga ***senja***. Kemudian, mereka mencari tempat untuk tidur.

Anjing tidur di pangkal pokok yang besar. Ayam jantan tidur di atas dahan pokok yang tinggi. Apabila matahari naik pada keesokan paginya, ayam jantan berkokok, "Kuk-kerek-kok, kuk-kerek-kok."

Kokokan ayam jantan menyebabkan rubah terjaga. Ia terus pergi ke tempat datangnya kokokan ayam jantan itu untuk makan ayam jantan itu! Apabila mendapati ayam jantan ada di dahan yang tinggi, ia mendapat akal.

Rubah bercakap dengan lembut dengan ayam jantan, "Turunlah, ayam jantan. Mari kita bersahabat."

Ayam jantan menjawab, "Saya akan turun. Tetapi sebelum itu kejutkan kawanku di pangkal pokok."

Rubah buat sebagaimana disuruh ayam jantan. Anjing sangat marah kerana dikejutkan daripada tidur. Ia menyalak pada rubah. Rubah sangat takut, menyebabkan ia lari dari situ.

Ayam jantan dan anjing itu pun pergi mencari sarapan.

PENGAJARAN:

Pandai-pandailah memilih sahabat.

Cerita 4

BELALANG DENGAN SEMUT

Suatu musim panas, seekor belalang menghabiskan masa siangnya menyanyi dan menari dengan girangnya. Di mana-mana dia melompat, semut sibuk mengumpul bijirin gandum dan jagung. Dia ketawa pada semut dan berkata, "Sungguh mem*bosan*kan! Kenapa kamu tidak menyanyi dan menari bersama saya daripada bekerja di bawah terik matahari?"

"Kami sedang menyimpan bekalan makanan untuk musim sejuk," jelas mereka. "Kamu patut lakukan perkara yang sama."

Belalang itu ketawa dan menjawab, "Kenapa bimbang akan musim sejuk? Saya ada banyak makanan sekarang." Dia lalu melompat pergi untuk mencari teman bermain.

Begitupun, apabila tiba musim sejuk, belalang itu tidak lagi dapat mencari makanan. Kesejukan, dia mengetuk pintu rumah semut. "Boleh kamu berikan saya sedikit bijirin?" rayunya. "Saya terlalu sejuk dan lapar untuk menyanyi!"

"Kami bekerja kuat sepanjang musim panas untuk *menyimpan* makanan," jawab mereka. "Apa yang kamu lakukan?"

"Saya leka menyanyi dan menari," katanya.

"Kalau begitu, menyanyi dan menari untuk kami sekarang!" mereka mengarahnya. "Sudah tiba masanya kamu berusaha untuk makan malam kamu."

PENGAJARAN:

Merancanglah untuk masa depan.

Cerita 5

TIKUS BANDAR DENGAN TIKUS KAMPUNG

Tikus bandar melawat sepupunya, tikus kampung. Tikus kampung menghidangkan makanan seperti jagung, anggur dan epal. Tikus bandar tidak suka kepada makanan yang tidak *lazat* itu. Ia berkata, "Datanglah ke bandar dan lihat sendiri cara hidup kami."

Tikus kampung tidak pernah pergi ke bandar. Ia pun bersetuju dengan pelawaan sepupunya. Apabila ia sampai ke bandar, ia berasa tidak selesa dengan bunyi bising dan kereta yang bergerak ke sana ke mari. Ia hampir-hampir dilanggar kereta dan bas.

Apabila mereka sampai ke rumah besar tempat tinggalnya, tikus bandar berkata, "Mari masuk." Tikus kampung mengikut tikus bandar pergi ke meja makan. Di atas meja makan terdapat banyak makanan yang lazat.

Ketika hendak makan, tikus kampung dan tikus bandar terdengar suara yang kuat, "Pergi dari sini, pencuri! Nanti aku pukul kamu."

Tikus-tikus itu lari menyelamatkan diri. Apabila berada di luar rumah, tikus bandar berkata, "Maafkan aku atas kejadian itu. Mari kita pergi ke rumah lain. Di sana mungkin ada makanan yang lebih sedap dan selamat."

Tikus kampung menjawab, "Terima kasih. Biarlah aku pulang ke kampung. Makanan aku tidak lazat dan kehidupan aku sederhana, tetapi aku hidup dalam *aman* dan selamat."

PENGAJARAN:

Bersyukurlah dengan apa-apa yang ada, asalkan selamat sejahtera.

Cerita 6

SINGA DAN ARNAB

Suatu masa dahulu, seekor singa sudah beberapa hari ber***buru*** tanpa berjaya menangkap apa-apa untuk dimakan. "Nampak seperti aku akan kelaparan lagi!" fikirnya.

Kemudian, dia ternampak seekor arnab sedang tidur di bawah pokok. Dia bergerak dengan senyap ke arah arnab, sambil berfikir, "Akhirnya! Di sini, ada hidangan lazat menungguku!"

Dia hampir menangkap arnab itu apabila seekor anak rusa lalu berhampirannya. Singa itu berfikir, "Ini hidangan malam yang lebih ***menyelerakan***!" Dia menoleh, lalu mengejar rusa itu. Bunyi bising mengejutkan arnab yang segera bangun dan melompat pergi.

Setelah lama mengejar, singa gagal menangkap rusa. Keletihan, dia kembali untuk mencari arnab tetapi mendapati arnab sudah pun melarikan diri.

"Alangkah bodohnya aku!" kata singa dengan perut yang berbunyi. "Padan mukaku kerana kehilangan makanan yang hampir menjadi habuanku, hanya kerana peluang untuk mendapat lebih!"

PENGAJARAN:

Jangan menjadi tamak, atau kelak kamu akan kehilangan segalanya.

Cerita 7

SEMUT DENGAN MERPATI

Pada suatu hari yang panas, semut mencari air untuk diminum. Setelah berjalan ke sana ke mari, ia menjumpai sebuah ***kolam***.

Untuk masuk ke dalam kolam itu, ia memanjat rumput. Ketika ***memanjat*** rumput, ia tergelincir, lalu terjatuh ke dalam kolam.

Semut ditolong oleh merpati yang sedang duduk di atas pokok di tepi tasik itu. Merpati menggigit sehelai daun, lalu menjatuhkannya dekat dengan semut yang sedang terkapai-kapai itu. Semut bergerak ke arah daun, lalu memanjat daun itu. Akhirnya, daun hanyut ke tebing kolam. Semut naik ke tebing kolam, lalu berjalan ke pangkal pokok.

Pada ketika itu, seorang pemburu burung hendak melemparkan jeratnya ke arah merpati. Semut menggigit kaki penjerat burung. Penjerat berasa sakit, lalu melepas jeratnya. Merpati terbang dari situ untuk menyelamatkan diri.

PENGAJARAN:

Perbuatan yang baik dibalas baik.

Cerita 8

ANJING YANG TAMAK

Anjing berasa bangga kerana telah mendapat seketul tulang yang besar dari ***pasar***. Ia menggonggong tulang itu sambil berlari ke tempat yang selamat untuk memakan tulang itu.

Anjing sampai ke sebatang anak sungai yang jernih airnya. Ia mula berjalan untuk menyeberangi ***sungai*** itu. Ia berjalan perlahan-lahan untuk menghabiskan masanya sebelum memakan tulang yang sedap itu.

Tiba-tiba, anjing berhenti lalu melihat ke dalam air sungai. Ia melihat anjing lain yang memandang kepada dirinya dan menggonggong tulang juga! Ia tidak sedar itu adalah bayangnya.

Anjing berfikir, "Tulang kepunyaan anjing itu kelihatan lebih besar daripada tulang kepunyaan aku. Aku akan rampas tulangnya dan bawa lari dengan pantas!" Ketika ia membuka mulutnya untuk menarik tulang itu, tulang di dalam mulutnya terjatuh ke dalam anak sungai. Tulang itu tenggelam dan ia tergamam.

PENGAJARAN:

Berpuas hatilah dengan apa yang kamu miliki.

Cerita 9

SANG SERIGALA DENGAN PAKAIAN KAMBINGNYA

Suatu masa dahulu, hiduplah Sang Serigala yang menghabiskan masanya memerhatikan sekawan biri-biri. Ia membayangkan ia sedang memakan biri-biri. Ia sering mendekati kawanan biri-biri itu dengan tujuan ***menangkap*** anak biri-biri yang kecil. Walau bagaimanapun, penggembala kawanan biri-biri itu cepat bertindak. Setiap kali Sang Serigala menghampiri biri-biri, dia akan menghalau Sang Serigala.

Suatu hari, Sang Serigala terjumpa kulit biri-biri yang usang. Ia memakai kulit itu seperti memakai baju. Beberapa lama kemudian, ia mendekati kawanan biri-biri.

"Sebaik sahaja penggembala tidur, aku akan menangkap seberapa banyak biri-biri yang dapat," Sang Serigala berkata kepada dirinya sendiri. Maka, Sang Serigala meneruskan lakonannya, bermain dengan anak biri-biri yang lain sehinggalah waktu malam.

Tapi, tanpa diketahui Sang Serigala, sebenarnya, penggembala telah merancang untuk memasak rendidih anak biri-biri sebagai hidangan makan malam. Sedang dia melihat ke arah anak biri-biri gembalaannya, penggembala ternampak seekor biri-biri besar. Dengan pantas, penggembala menangkap 'biri-biri' itu dan membunuhnya. Alangkah terkejutnya penggembala apabila dia menyedari bahawa rupa-rupanya, 'biri-biri' itu sebenarnya adalah seekor serigala yang memakai kulit biri-biri!

PENGAJARAN:

Jangan cuba menyamar sebagai orang lain kerana jika tidak, bala akan menimpa.

Cerita 10

SERIGALA DENGAN ANAK BIRI-BIRI

Pada suatu hari, seekor anak biri-biri sedang meragut rumput dengan sekawan biri-biri. Ia nampak rumput yang ***segar*** di tepi padang itu. Ia pun meragut rumput itu. Semakin lama, ia semakin jauh daripada biri-biri lain.

Anak biri-biri itu sangat gembira makan rumput itu. Ia tidak sedar seekor serigala datang semakin hampir dengannya. Apabila serigala itu menerkam anak biri-biri itu, anak biri-biri itu cepat-cepat merayu, "Tolong, jangan makan saya. Sekarang perut saya penuh dengan rumput. Jika kamu tunggu sekejap, saya bertambah sedap dimakan."

Serigala fikir itu perkara yang baik. Oleh itu, ia duduk untuk menunggu. Sekejap kemudian, anak biri-biri itu berkata, "Jika kamu benarkan saya menari, rumput di dalam perut saya akan dihadam dengan lebih cepat." Serigala pun bersetuju dengan ***permintaan*** anak biri-biri.

Ketika menari, anak biri-biri mendapat satu akal. Ia berkata, "Tolong ambil loceng pada leher saya. Jika kamu bunyikan loceng itu sekuat mungkin, saya boleh menari dengan lebih rancak."

Serigala mengambil loceng, lalu membunyikannya sekuat mungkin. Gembala biri-biri mendengar bunyi loceng, lalu menyuruh anjingnya mencari anak biri-biri yang hilang itu. Salakan anjing menakutkan serigala. Ia melarikan diri dan anak biri-biri pun selamat.

PENGAJARAN:

Tiada guna badan yang kuat tanpa kapandaian.

Panduan Catatan Nilam.



BORANG REKOD BACAAN MURID

ama :
elas :
ahun: 2020
lisi oleh murid)

Judul	Buku		Bahasa			Jumlah Muka surat	Aktiviti	Contoh Aktiviti
	Bahan Bukan Buku	Fiksyen	Bukan Fiksyen	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Lain-lain Bahasa		
1	2			3			4	5

1. Judul atau tajuk cerita. (Boleh tulis untuk ke semua tajuk cerita)
2. Tandakan (/) pada bahagian ini. (Petikan cerpen ini bukan buku)
3. Tandakan (/) pada bahagian ini. (Cerita ini di dalam Bahasa Melayu)
4. Tuliskan 1 untuk ke semua tajuk cerita.
5. Contoh aktiviti yang bersesuaian dengan anak-anak ialah mengeja, bercerita semula atau mencari makna perkataan. (Aktiviti dipilih mengikut kesesuaian tahap penguasaan murid).

Selamat Membaca.
Terima kasih.

Puan Hazatuladawia Habu Hassan.
Guru Bahasa Melayu
SK Datuk Haji Baginda.

#PerintahKawalanPergerakan
#DudukdiRumah
#COVID-19